

03 OCT 2001

Jepun-Media (Fokus Berita)

"BADAN PR" JEPUN RAI ULANGTAHUN DALAM SUASANA EKONOMI YANG MURAM

Oleh: Jackson Sawatan

TOKYO, 3 Okt (Bernama) -- Pusat Akbar Asing Jepun (FPC), sebuah badan bebas yang diwujudkan pada Oktober 1976, berperanan penting dalam menampilkan Jepun seperti mana ia dilaporkan oleh media antarabangsa hari ini.

Bertempat di kawasan pentadbiran di pusat bandaraya Tokyo, pusat itu akan meraikan ulangtahun ke 25 pada Khamis (4 Okt) dengan majlis pertemuan bersama wakil-wakil media asing, yang diadakan pada skala sederhana.

Sejak ia wujud, ia telah membantu banyak wartawan asing memahami Jepun dan oleh itu menawarkan mereka persefahaman lebih baik apabila melaporkan mengenai negara itu.

Bagaimanapun sekarang ini, tugas FPC bertambah mencabar lagi khasnya kerana senario muram dalam sektor ekonomi Jepun.

"Ini masa yang menarik bagi Jepun," kata Presiden FPC Yoshio Hatano kepada pemberita Bernama dan New Straits Times yang berada di bandaraya ini untuk menyertai program fellowship wartawan selama tujuh minggu yang ditaja oleh FPC.

FPC telah mengambil segala usaha untuk memastikan realiti Jepun disampaikan ke seluruh dunia melalui pelbagai aktiviti sokongannya bagi wartawan asing yang berada di negara itu.

Ia membantu wartawan-wartawan asing mengatur liputan, temubual bersama tokoh-tokoh penting dan juga menganjurkan lawatan ke tempat-tempat menarik seperti kilang-kilang, makmal penyelidikan dan kemudahan lain.

Hatano berkata idea menubuhkan pusat itu timbul semasa beliau bertugas di luar negara atas pelbagai kapasiti.

"Jadi saya fikirkan yang sebaliknya membuat PR di luar negara, kita boleh buat PR di Jepun bagi wartawan-wartawan asing yang berada di negara ini supaya mereka tidak menulis berita-berita yang tidak tepat," katanya.

Hatano, 69, bekas diplomat yang pernah berkhidmat sebagai duta ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) berkata, pada satu-satu masa terdapat 700 wartawan asing di Jepun, sementara 1,500 lagi melawat negara itu bagi tempoh singkat untuk membuat liputan mengenai perkembangan di Jepun.

Sejak ditubuhkan 25 tahun lepas, FPC telah menjalankan program-program jemputan membabitkan 1,007 wartawan, yang daripadanya 64 adalah dari Malaysia.

Yang lain datang dari negara-negara Asia, Eropah, Afrika, Asia Barat, Amerika Selatan, negara-negara Caribbean dan juga Eropah Timur dan Rusia.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan pencapaian pusat itu, ataupun cara wartawan asing melaporkan mengenai Jepun, beliau berkata: "Saya tidak puas hati 100 peratus tetapi saya percaya inilah yang terbaik yang saya boleh capai.

"Saya rasa kerajaan saya pun tidak puas hati 100 peratus tetapi saya berpuas hati dengan wartawan."

Bercakap mengenai Jepun sekarang ini akhirnya akan membawa topik perbualan kepada masalah ekonomi dan bagaimana Jepun dilihat "dalam senario muram ini" seperti apa yang dikatakan oleh seorang pemerhati.

Juga Jepun perlu ditampilkan sebagai sebuah negara yang kaya dengan budayanya dan bukan hanya sebagai sebuah kuasa ekonomi seperti yang dilihat selama ini.

Sementara itu Pengarah Urusan FPC Masahiko Ishizuka berkata masih ada ruang untuk memperbetulkan cara media asing memaparkan Jepun, khasnya

daripada segi ketepatan dan cukup atau tidak.

"Tetapi ia terpulang kepada mereka...kita tidak boleh memaksa mereka menulis mengikut cara kita mahu. Kita hanya memberikan bantuan. Kita memberi bayangan bagaimana Jepun seharusnya ditampilkan dalam laporan-laporan mereka, tetapi ia terpulang kepada mereka untuk mengambil kira bayangan itu," kata Ishizuka.

Mengenai bagaimana Malaysia dilihat daripada sudut pandangan Jepun, beliau berkata mereka secara amnya melihat Malaysia sebagai sebuah negara dengan kepimpinan utuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri anda memang tidak asing lagi di kalangan masyarakat perniagaan di sini. Beliau datang ke Jepun sekurang-kurangnya sekali setahun...beliau jurucakap yang penting. Buku-bukunya juga popular dan diterjemahkan ke bahasa Jepun.

"Saya rasa beliau (Dr Mahathir) jengkel dengan Jepun yang hilang keyakinannya dan meminta negara itu jangan hanya menjadi `pak turut' kepada Amerika Syarikat," kata beliau.

-- BERNAMA

JS SHS AHH PR